

SG beri sokongan menyeluruh bagi warga emas semasa Covid-19: Kajian

KAJIAN baru oleh sepasukan penyelidik dari Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS) mendapati Singapura dapat memberi sokongan menyeluruh kepada warga tua semasa pandemik Covid-19.

Orang dewasa berumur 65 tahun dan ke atas dilihat berdaya tahan dan berupaya mengurus kesihatan mereka secara proaktif dengan bantuan dan bimbingan pelbagai sumber praktikal yang disediakan bagi membantu rakyat Singapura semasa pandemik itu.

Kajian itu bertujuan memahami secara langsung kesan pandemik Covid-19 terhadap kehidupan warga emas.

Hingga kini ia merupakan kajian pertama dan satu-satunya di Singapura yang mengkaji secara kualitatif kesan pengalaman pandemik

Covid-19 terhadap kesejahteraan warga emas.

Ia diketuai Profesor Madya Dr Tan Ker Kan, Ketua dan Perunding Kanan, Bahagian Pembedahan Kolorrektal merangkap Naib Pengerusi (Penyelidikan), Lembaga Perubatan, Hospital Universiti Nasional (NUH), yang juga Penolong Dekan (Penyelidikan), Sekolah Perubatan NUS Yong Loo Lin, dengan kerjasama Persatuan Rakyat (PA), Pejabat Perintis dan Kawasan Undi Ulu Pandan, cabang jangkauan Agensi Peduli Bersepadu (AIC) – Pejabat Generasi Silver, (SGO), dan pelbagai penyedia perkhidmatan masyarakat lain.

Kajian itu menunjukkan penyedia perkhidmatan masyarakat memanfaatkan platform digital baru dan sumber untuk mendekati lebih ramai warga emas dalam komuniti.

Mereka juga penting dalam membantu warga emas menggunakan sumber digital seperti pemesejan mudah alih dan aplikasi mesyuarat video untuk berhubung dengan orang lain dan melibatkan diri dalam aktiviti dalam talian.

Pengiklanan yang kerap berulang tentang perkhidmatan dan sumber berkaitan Covid-19 untuk warga emas melalui media tradisional seperti siaran radio dan televisyen membantu membina kesedaran dalam kalangan warga emas dan juga membolehkan orang ramai mengenali pasti dan merujuk warga emas yang lebih terdedah kepada penyedia perkhidmatan masyarakat.

Profesor Tan menjelaskan: “Pandemik Covid-19 menyebabkan gangguan yang tidak pernah berla-

ku sebelum ini kepada semua orang. Orang dewasa lebih tua mungkin lebih terdedah kepada kesan buruk dalam banyak aspek.

“Memandangkan mereka berisiko lebih tinggi jika mereka dijangkiti Covid-19, mereka dinasihatkan mengasingkan diri daripada rangkaian sosial mereka yang lain. Ini termasuk ahli keluarga, anak, cucu dan rakan dalam komuniti mereka.

“Kajian NUHS mendapati warga emas menghadapi cabaran emosi disebabkan hubungan sosial terhad, aktiviti dan keupayaan meraikan sambutan bermakna bersama keluarga dan rakan mereka.

“Lebih sukar lagi bagi mereka apabila terpaksa menghadapi kemiskinan ke hospital dan/atau kematian orang rapat.

“Mereka juga pada mulanya takut akan Covid-19 dan mengasingkan diri untuk kekal selamat. Bagaimanapun, pada masa sama, mereka menunjukkan semangat berdikari, kesedaran dan inisiatif tinggi dalam menguruskan kesejahteraan fizikal dan mental mereka.”